

# Mahathir : Semua bandar hendaklah diubah corak

BN 14 JUN 1981  
IPOH 13 Jun.

Timbalan Perdana Menteri, Datuk Sri. Dr. Mahathir Mohamad menyarankan semua bandar seluruh negara hendaklah diubah corak rupa dan penduduk yang tinggal di dalamnya supaya mencerminkan berbilang kaum.

Katanya, memang menjadi hasrat kerajaan yang termaktub dalam DEB ingin menyusun semula masyarakat dan dalam penyusunan masyarakat itu termasuklah mengadakan bandar-bandar yang tidak memberi corak dari satu kaum saja.

"Kita mahu bandar-bandar mencerminkan pembahagian kaum yang ada di negara ini dan kita mahu kedai-kedai diurus dan dimiliki oleh semua kaum".

Berucap merasmikan perletakan batu asas "Wisma Maju UMNO" Negeri Perak berharga \$14 juta di Jalan Sultan Idris Shah di sini hari ini beliau menegaskan, lanekah ini tidak bermakna kita akan menegenipikan kaum-kaum yang memang sudah ada sebagai kaum-peniaga.

Datuk Sri Dr. Mahathir yang juga Timbalan Presiden UMNO itu mahu supaya dalam segala pembesaran bandar-bandar tempatnya hendaklah diberikan juga kepada kaum-kaum lain.

Dengan adanya tempat-tempat perniagaan yang baru ini, kerajaan berharap peayusunan semula masyarakat dapat dilaksanakan tanpa merugikan mana-mana pihak.

Terdahulu dari itu ketibaan Timbalan Perdana Menteri dan isterinya Datin Sri Dr. Hasmah telah diarak oleh beberapa kumpulan hadrah UMNO melalui perbarisan seragam Pergerakan Pemuda dan Wanita UMNO di kiri kanan jalan meriuju ke pentas atas, sebelum melakukan upacara perletakan batu asas itu.

Turut serta mengiringi Timbalan Presiden UMNO itu ialah Menteri Besar Dato' Sri Wan Mohamad Wan Teh, Menteri Perusahaan Utama Datuk Paul Leong, anggota Exco Kerajaan Perak, ketua-ketua parti komponen Barisan Nasional dan lain-lain.

Datuk Sri Dr. Mahathir berkata, zaman telah berubah yang mendorong rakyat mahukan tempat membeli belah yang serba lengkap dan moden.

Beliau menegur bandar Ipoh yang pada satu ketika dulu terkenal bandar paling moden, terutama selepas ianya mengambil tempat sebagai ibu Negeri Perak selepas Taiping, masih mempunyai bangunan kedai yang bercorak

lama.

Ini kata beliau, perlu dimodenkan agar ianya bersesuaian dengan keadaan pembangunan pesat dalam negara, yang rakyatnya juga mahukan perubahan dan kemudahan sama ada dari segi meletak kereta atau pusat membeli belahnya yang serba lengkap.

Timbalan Perdana Menteri berkata, UMNO Perak selain dari berusaha untuk membangunkan bangunannya sendiri, ia juga mengambil kesempatan untuk menjadikan bangunan itu sebagai pusat membeli belah yang serba lengkap.

Beliau mengingatkan langkah UMNO membahagikan bangunannya sendiri, bukanlah merupakan perjuangan asasinya, kerana perjuangan UMNO adalah membela kepentingan rakyat, negara dan bangsa.

Menurut Datuk Sri Dr. Mahathir, di waktu negara baru mencapai kemerdekaan dulu ada orang yang berfikir betapa orang-orang Melayu akan "keras kepala" dan akan jadi perompak untuk merampas hak orang lain.

Tetapi, kata beliau apa yang menjadi minat parti ialah perjuangannya untuk memecahkan masalah yang masih dianggap kekurangan kepada negara di samping memperjuangkan pem-

berian kekayaan secara adil kepada rakyat.

Beliau menegaskan, berkat dari perjuangan suci UMNO itu kini rakyat telah menikmati hasilnya dan segala-segalanya itu adalah terbit dari sikap dan pengendalian tabdiran UMNO yang sanggup bekerjasama dengan kaum lain dalam menstabilkan keadaan hidup rakyat seluruhnya.